

PM kecewa, kusut keadaan di Gaza

Perkembangan baru diperoleh ketika berada di Riyadh amat menggosokkan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui berasa kusut, lesu dan kecewa dengan perkembangan situasi semasa berhubung keganasan di Gaza biarpun pelbagai usaha dilaksanakan Malaysia dalam menghentikan konflik di wilayah itu.

Perdana Menteri memaklumkan, maklumat perkembangan mutakhir di Gaza yang diperoleh beliau dalam lawatan kerja ke Riyadh berakhir kelmarin, sangat tidak meyakinkan dan menggosokkan.

Situasai itu, katanya, membuatkan beliau berfikir sepanjang malam dan berasa sangat terkesan kerana seolah-olah dunia ini menghampakan.

“Bicara soal demokrasi, soal kemanusiaan dan menjadi manusia tinggi tamadunya, tetapi maruah dan nilai masih hambar,” katanya ketika berucap pada Sambutan Hari Pekerja 2024 bertemakan ‘Pekerja Kesuma Bangsa’ di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini semalam.

Anwar berkata, dengan amanah sebagai Perdana Menteri Malaysia, beliau sedaya upaya berdepan pemimpin dunia, terma-

suk Presiden Amerika Syarikat (AS), Joe Biden, antara lain menjelaskan pendirian negara berkait isu Palestin dan Gaza bukan untuk memanaskan atau menyulitkan hubungan dua hala dengan negara itu.

“Sebaliknya menyatakan sikap, sebagai seorang manusia mengenai hipokrasi atau kepura-puraan untuk menyokong satu pihak dan menghina satu pihak. Kita di Malaysia ini, saya beritahu mereka, negara pelbagai kaum, pelbagai agama dan kerajaan MADANI pertahankan bersungguh-sungguh.

“Walaupun majoritinya Melayu Bumiputera, Islam agama Persekutuan, tetapi setiap denyutan yang dihadapi rakyat kita, sama ada Kristian, Hindu atau Buddha, itu menyentuh perasaan kita sebagai manusia dan ini yang saya faham sebagai seorang manusia,” katanya.

Namun, Perdana Menteri berkata, amat malang sekali kerana ia bukan menjadi pandangan negara Barat yang kaya sehingga boleh memejamkan mata dan memekakkan telinga dengan apa yang berlaku di Palestin, tidak mendengar jeritan anak kecil dan wanita.

“Membiarkan (keganasan) bulan demi bulan, hari demi hari, detik demi detik. Saya zahirkan ini kerana apa yang saya dengar di Riyadh, itu menyebabkan saya berasa kusut dan lesu,” katanya yang mengadakan lawatan kerja dua hari ke Riyadh bagi menghadiri mesyuarat khas Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Sementara itu, Anwar menegaskan, pihak yang memfitnah dengan mendakwa kerajaan mahu membuka kasino di Forest

City, Johor, harus dikenakan tindakan undang-undang, termasuk dihukum penjara.

Tak bermoral sebar fitnah

Perdana Menteri sekali gus menyifatkan mereka yang mencecuskan isu itu sebagai ‘tiada modal lain’ kerana sengaja membuat tohmahan dan mencipta fitnah sesuka hati.

“Kononnya Anwar sudah meluluskan kasino di Johor. Apa benda ni? Tak pernah saya dengar, tak pernah orang usulkan dan Yang di-Pertuan Agong tidak pernah memaklumkan kepada saya untuk ada kasino serta perjudian di sana.

“Jadi ini dari mana? Daripada penjahat sebenarnya. Jadi, mereka ini sebenarnya (harus) ganti (masuk) bilik saya di (Penjara) Sungai Buloh,” katanya mengakui tidak menjadi masalah jika ada pihak mahu mengkritik beliau, namun tidak kepada institusi Raja yang disanjung dan dimuliakan.

“Kritik tidak mengapa, kamu kritik Perdana Menteri tidak mengapa sebab saya boleh jawab, ini kamu kritik Raja yang kita sanjung dan muliakan serta ada dalam Perlembagaan. Kalau kita ada sistem Raja, tidak boleh dijadikan macam orang politik, serang sesuka hati.

“Tidak boleh, kerana institusi Raja itu ada caranya, cara bercakap lain, ada cara kaedah yang perlu kita hormati,” katanya sambil menegaskan pihak yang menyerang dan memfitnah institusi Raja perlu didakwa dan dihukum penjara.

“Jadi, jangan marah saya konon tidak demokratik, keras dan kuku besi,” katanya.